

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1990/91

Mac/April 1991

HSM 312 Sejarah Politik Moden Malaysia

Masa: [3 jam]

---

Kertas Peperiksaan ini mengandungi LAPAN (8) soalan dalam TIGA (3) muka surat

Jawab EMPAT (4) soalan, sekurang-kurangnya SATU (1) soalan daripada setiap Bahagian A, B dan C.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

BAHAGIAN A

1. Mengikut R. Emerson, gejala kolonialisme telah mengheret masyarakat yang dikongkong itu, mahu tidak mahu, masuk ke dalam dunia moden. Apakah, mengikut pandangan anda, kolonialisme British boleh dianggap telah memulakan sejarah politik moden Malaysia?
2. "Usaha sejarah diplomasi dua hala - iaitu pada satu pihak mendapat persetujuan kerajaan Britain supaya wilayah-wilayah Borneo boleh masuk dalam persekutuan Malaysia manakala pada pihak kedua memaklumkan dan meyakinkan pemimpin-pemimpin di Borneo tentang usaha-usaha yang sedang dijalankan oleh pemimpin Tanah Melayu ke arah pembentukan Malaysia - akan dirakamkan oleh sejarah sebagai perkara yang paling berjaya dilakukan oleh Tunku Abdul Rahman dalam kehidupan politiknya"  
(J. Ongkili Borneo's Response to Malaysia, 1961 -1963. ms 73)

Sejauh manakah anda setuju bahawa Tunku Abdul Rahman yang memainkan peranan utama dalam menjayakan pembentukan Malaysia?

BAHAGIAN B

3. "Tentang itu bukannya rakyat yang derhaka kepada raja melainkan sebaliknya raja yang derhaka kepada rakyat".  
(Majlis, 6 Februari 1946)

Apakah, pada pandangan anda, pernyataan seperti ini, yang didapati di beberapa rencana surat khabar semasa ketika itu, menggambarkan bahawa nasionalisme Melayu memuncak pada 1946 kerana "nilai-nilai tradisi telah dikebelakangkan dan pemikiran Melayu telah melalui suatu revolusi"?

4. "Pada 1947, terdapat banyak jenis nasionalis - Melayu, Cina dan India. Walau bagaimana pun, ketiadaan nasionalis Tanah Melayu amat ketara. Golongan progresif dalam PMCJA-PUTERA telah cuba menanam pokok getah di kawasan paya".  
(Mohd. Noordin Sopiee, From Malayan Union to Singapore Separation, ms 52)

Setujukah anda dengan penilaian ini terhadap pergerakan PUTERA-AMCJA? Mengapa?

5. Faktor manakah, mengikut pandangan anda, yang paling penting dalam membangkitkan kesedaran di kalangan orang Kadazan bahawa mereka itu satu bangsa?

BAHAGIAN C

6. Tepatkah, pada pendapat anda, Rusuhan Tiga Belas Mei dianggap sebagai, pada asasnya "satu letusan politik yang disebabkan oleh soal politik"? Mengapa?

7. "Maka pemisahan (Singapura dari Malaysia) itu bukannya kerana mana-mana satu konflik atau perselisihan. Ia sebenarnya telah tumbuh daripada perbezaan pandangan dan cita-cita mengenai asas gagasan Malaysia. Perbezaan ini menjadi lebih tajam kerana kepentingan ekonomi yang berbeza; lebih besar lagi kerana cita-cita politik yang bertentangan; dan terbawa-bawa oleh kebimbangan perkauman hingga ia pun tercetus".  
(N. Fletcher, The Separation of Singapore from Malaysia)

Bincangkan.

8. "Adalah jelas bahawa pelajaran-pelajaran yang diperolehi oleh pemimpin-pemimpin di Borneo sepanjang dasarwarsa 60an telah diajar terutamanya oleh Parti Perikatan di Malaysia Barat."

(J. Ongkili, Modernization in East Malaysia, ms 74)

Dengan rujukan khas kepada politik Sarawak dari 1965 hingga 1970, bincangkan sejauh manakah pergolakan politik di negeri itu boleh difahamkan melalui pernyataan di atas.

-oooOOOooo-